



KENYATAAN AKHBAR YANG BERHORMAT MULIA TENGGU YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN IBADAH KORBAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI TAHUN 1441H/2020M

1. Memaklumkan bahawa berdasarkan hasil daripada Mesyuarat Khas Mengenai Pelaksanaan Ibadah Korban dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 01 Julai 2020 yang turut dihadiri YB. SS Dato' Mufti, Kementerian Kesihatan Malaysia, Bahagian Kerajaan Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan dan Polis Diraja Malaysia, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) **bersetuju pelaksanaan ibadah Korban Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) hendaklah mengikut garis panduan sebagaimana berikut:**

1.0 Pendahuluan

1.1 Garis panduan ini disediakan untuk menjadi dokumen rujukan kepada pegawai, kakitangan jabatan dan penganjur yang akan terlibat dalam pelaksanaan ibadah korban semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bagi tahun 1441H/2020M.

2.0 Skop

2.1 Garis panduan ini disediakan untuk digunapakai di lokasi seperti berikut:

- I. Rumah sembelih ruminan jabatan (Kompleks Abatoir DVS)
- II. Masjid atau surau
- III. Kawasan lapang awam atau persendirian

3.0 Panduan Melaksanakan Korban

3.1 Satu meja pendaftaran, hand sanitizer dan thermometer hendaklah disediakan oleh penganjur sebagai langkah awal sebelum memulakan pelaksanaan ibadah korban.

3.2 Peralatan menyembelih, melapah dan memproses daging juga perlu berada dalam keadaan baik, bersih dan tajam sama ada disediakan oleh penganjur atau dibawa oleh individu. Peralatan tersebut tidak boleh dikongsi.

3.3 Setiap individu yang hadir perlu diperiksa suhu badan dan direkodkan maklumat (nama, no telefon, dan alamat) setiap kali menyertai ibadah korban. Pemeriksaan ini perlu dibuat di pintu masuk ke tempat pelaksanaan ibadah korban. Kanak-kanak yang berumur 12 tahun kebawah tidak dibenarkan hadir dikawasan ibadah korban dijalankan.

3.4 Individu yang hadir dan mempunyai suhu badan 37.5°C ke atas atau yang bergejala tidak dibenarkan menyertai aktiviti dan perlu dirujuk kepada klinik kesihatan yang berdekatan.

3.5 Penjarakan sosial sebagaimana yang ditetapkan oleh KKM mesti diamalkan dan elakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dekat). Petugas korban wajib memakai pelitup muka (face mask).

Petugas aktiviti korban bagi seekor ternakan ruminan besar (lembu/kerbau) tidak melebihi 14 orang, bagi ruminan kecil (kambing/ bebiri) tidak melebihi 2 orang dan peserta ibadah korban tidak digalakkan menunggu sehingga selesai majlis.

Jarak diantara lembu yang akan disembelih dikawasan masjid, surau atau kawasan lapang tidak kurang 5 meter antara satu sama lain, dan jumlah maksima dihadkan sebanyak 10 ekor bagi satu-satu masa. Digalakkan majlis korban yang melibatkan jumlah ternakan yang besar dijadualkan pelaksanaannya dalam tempoh hari tasyrik.

3.8 Peserta ibadah korban perlu mewakilkan kepada penganjur ibadah korban bagi menyempurnakan akad dan wakalah. Sebagai contoh;

[saya ...(nama peserta)... , dengan ini mewakilkan dan mengizinkan...(nama penganjur)...untuk menyembelih ternakan korban saya dan membuat agihan korban].

3.9 Selaras dengan ketetapan kerajaan dalam tempoh PKPP tanpa mengabaikan aspek keselamatan dan kesihatan, berikut merupakan cadangan garis panduan pelaksanaan ibadah korban sepanjang tempoh berkenaan:

3.9.1 Syarat pelaksanaan penyembelihan ternakan korban;

- I. Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) (DVS)
- II. Permit Menyembelih (DVS/Penggawa)
- III. Tapak penyembelihan yang sesuai, bersih dan selamat serta tidak berhampiran saluran awam.

3.9.2 Pelaksanaan sembelihan korban ruminan besar meliputi aktiviti seperti berikut;

- I. Menumbang dan menyembelih
- II. Melapah dan memotong karkas
- III. Potong besar, kecil daging dan memotong tulang.
- IV. Mencuci ofal putih
- V. Menimbang, membungkus dan pengagihan

3.9.3 Selepas pelaksanaan ibadah korban;

- i. Memastikan keseluruhan tapak penyembelihan, melapah, dan mengagih dibersihkan.
- ii. Sisa pepejal hendaklah dibungkus dan dilupuskan dengan cara yang bersesuaian berdasarkan peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- iii. Sisa cecair seperti darah haiwan sembelihan hendaklah ditanam atau dilupuskan dengan cara yang bersesuaian.
- iv. Melaksanakan pembersihan dan disinfeksi mengikut garis panduan KKM.

4.0 AGIHAN BAHAGIAN KORBAN

4.1 Agihan oleh petugas dilakukan secara langsung kepada peserta yang mengambil bahagian dan fakir miskin berdasarkan senarai nama yang telah ditetapkan.

4.2 Agihan dengan kehadiran peserta, jumlah kehadiran dan masa ditentukan oleh penganjur tertakluk kepada keluasan kawasan dan elakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dekat).

4.3 Tidak dibenarkan mengadakan jamuan di masjid, surau atau musolla tetapi terus diagihkan kepada mereka yang layak.

5.0 PENUTUP

5.1 Kepatuhan semua pihak terlibat (penganjur, peserta dan petugas) dalam pelaksanaan ibadah korban insya-Allah akan dapat mengurangkan risiko dan membendung penularan wabak COVID-19. Ketegasan pengurusan menjadi faktor utama dalam keberkesanan garis panduan yang disediakan.

5.2 Adalah diharapkan dengan pelaksanaan dan pematuhan garis panduan ibadah korban ini akan dapat membantu usaha memutuskan rangkaian wabak COVID-19.

TENGGU TAN SRI DATO' HAJI MOHAMAD RIZAM BIN TENGGU ABDUL AZIZ

Tengku Temenggong Kelantan